

Smay Harian - 16 April 2016

Ikon baharu dunia dakwah

Kesanggupan Dr Zakir Naik bertukar daripada bidang perubatan kepada dakwah dikagumi

■ NORHASPIDA YATIM

KUALA TERENGGANU

- Pendakwah antarabangsa, Dr Zakir Naik disifatkan sebagai ikon baharu dalam dunia dakwah yang memberikan skop baharu dalam kehidupan dakwah dunia ekoran kesanggupannya menukar arah daripada bidang perubatan kepada dakwah.

Naib Canselor Universiti Sultan Zainal Abidin (UniSZA), Prof Datuk Dr Ahmad Zubaidi Abdul Latif berkata, kehadiran pendakwah itu ke negara ini memberi nafas baharu terutamanya kepada generasi muda di negara ini.

"Kehadiran beliau pada masa ini di mana kita telah dapat nikmat kemerdekaan dan nikmat pembangunan yang di- asaskan oleh kepimpinan ne-

gara sejak kita merdeka. Suka diingatkan di sini, selepas kemerdekaan, generasi kami merupakan generasi yang dihantar oleh kerajaan Malaysia ke luar negara ataupun banyak yang kembali dengan kepakaran tersendiri dan menamatkan pengajian Doktor Falsafah (PhD).

"Apabila Dr Zakir datang ke sini, beliau telah memberi satu lagi aspek di mana seorang yang telah dilantik dalam bidang perubatan akhirnya memberikan satu skop baharu dalam kehidupan dakwah di dunia bahawa beliau sanggup menukar arah perjuangannya," katanya.

Beliau berkata demikian pada sidang media bagi membicarakan isu-isu semasa UniSZA di Kampus Perubatan, UniSZA di sini, kelmarin.

Ahmad Zubaidi berkata, apa yang dapat dilihat ialah kepentingan pengajaran dan pembelajaran yang dihasilkan dalam bidang perubatan membantu tokoh itu untuk menjaga kesihatan diri secara terancang dari segi fizikal, mental dan kekuatan spiritual untuk menentang hujah-hujah dari pihak yang memperkecilkan agama Islam.

"Kita dapat lihat, kematangan hujah-hujah beliau berjaya membawa kekuatan Islam ke tempat yang sewajarnya.

"Disebabkan beliau datang daripada bidang perubatan, kita lihat dari segi toleransi yang tinggi apabila kita membicarakan hal-hal yang amat sensitif dan saya rasa ini penting untuk kita tanamkan kepada anak-anak kita yang baru



Prof Datuk Dr Ahmad Zubaidi (dua, kiri) bersama barisan kepimpinan UniSZA ketika sidang media berkaitan isu-isu semasa UniSZA di Kampus Perubatan UniSZA di sini, kelmarin.

mengenal dunia, khususnya generasi Y," katanya.

Justeru, katanya, kenikmatan dan keharmonian yang dikecapi negara sekarang perlu disyukuri oleh semua lapisan masyarakat dan segala permasalahan di harap dapat di-

selesaikan secara matang.

"Apa pun nikmat, apa pun keuntungan, kekuatan kecemerlangan yang dinikmati selepas tamatkan bidang perubatan tidak akan dapat dihasilkan jika negara kita penuh dengan keadaan kekacauan

dan tiada pendamaian.

"Jadi, kita perlu sentiasa berdoa semoga negara kita aman dan semua permasalahan dapat diselesaikan dengan cara konstruktif dan kita boleh berbingung dengan cara yang penuh matang," katanya.